

## Ulasan Buku: Risalah 'Allah Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah'

Tajuk Karya : Allah Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah  
Penulis : Al-Syahid Hasan al-Banna  
Susun semula : Fathullah Khalif

Oleh:  
Muhammad Nasron bin Yaacob\*

### Abstrak

*Tulisan Hasan al-Banna ini memfokuskan secara terus dan ringkas tentang ciri-ciri akidah dan kepercayaan terhadap Allah swt yang mesti dipegang dan dihayati oleh setiap muslim. Ciri-ciri inilah merupakan pemahaman induk dan utama yang perlu dititik beratkan oleh muslim dan masih lagi suci dan bersih dari pengaruh teori akal dan falsafah.*

### Pendahuluan

Risalah 'Allah Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah'<sup>1</sup> merupakan di antara himpunan risalah yang ditulis oleh seorang tokoh gerakan Islam yang terkemuka iaitu al-Syahid Hasan al-Banna, pengasas gerakan Ikhwan al-Muslimin di Mesir. Risalah ini membincarkan tentang Allah swt menurut perspektif akidah Islam.

Medan pena yang mula-mula menempati risalah al-Banna ini ialah Majalah al-Shihab yang telah diterbitkan di dalam tiga keluaran

---

\* Pensyarah di Jabatan Usuluddin Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bahru.

berturut-turut dari keluaran ke 2 pada bulan Safar 1367/Disember 1947 sehingga keluaran ke 4 pada bulan Rabiulakhir 1367/Februari 1948<sup>2</sup>.

### Pengenalan Hasan al-Banna

Hasan al-Banna dilahirkan pada 17 Oktober 1906 di al-Mahmudiyyah yang berada dalam jajahan al-Buhairah, salah satu jajahan di Mesir<sup>3</sup>. Beliau dilahirkan di dalam keluarga yang kuat berpegang dengan agama dan mementingkan pendidikan ilmu-ilmu keagamaan yang sempurna<sup>4</sup>.

Memulakan pengajian formal di sekolah *al-Rasyad al-Diniyyah* kemudian ke sekolah *al-'Idadiyyah* kemudian ke sekolah *al-Mu'allimin al-Awwaliyyah* di Damanhur dan menghabiskan pengajian formalnya di *Dar al-'Ulum*<sup>5</sup>.

Selepas berjaya mendapat diploma pengajian di *Dar al-'Ulum* pada usia 21 tahun, beliau mula bertugas sebagai guru di sekolah rendah *al-Amiriyyah* di *al-Isma'iliyyah* pada 20 September 1927. Beliau berhenti dari tugasnya sebagai guru pada Mei 1946 untuk berkhidmat sepenuh masa di dalam gerakan *Ikhwan al-Muslimin*<sup>6</sup>.

Tarikh 12 Februari 1949 telah mencatatkan sejarah hitam yang tidak akan dilupakan selamanya oleh gerakan *Ikhwan al-Muslimin* Mesir. Tarikh itulah merakamkan saat Hasan al-Banna ditembak oleh penembak curi sehingga membawa kepada kesyahidannya. Namun, himpunan risalahnya yang mengandungi pesanan, nasihat, tawjihat dan sebagainya masih diratib oleh umat Islam hari ini khususnya daripada kalangan *Ikhwan al-Muslimin* sendiri.

### Risalah 'Allah Fi al-Aqidah al-Islamiyyah'

Dalam menentukan tajuk makalahnya ini, Hasan al-Banna mempunyai tiga tajuk utama iaitu 'Al-Din', 'Tarikh al-Aqa'id fi al-Islam' dan 'Allah'. Beliau akhirnya memilih tajuk ketiga dengan tajuk lengkapnya 'Allah fi al-Aqidah al-Islamiyyah'<sup>7</sup> kerana tajuk ini akan memfokuskan pada tajuknya yang sebenar tanpa terhenti pada sub topik-sub topik yang lain.

Risalah 'Allah fi al-Aqidah al-Islamiyyah' ditulis oleh al-Banna selama 3 keluaran (tiga bulan). Keluaran pertama 'Allah fi al-Aqidah al-Islamiyyah' adalah memfokuskan tentang prinsip-prinsip keimanan yang sepatutnya diimani dan difahami oleh umat Islam hari ini terhadap Allah swt. 'Allah fi al-Aqidah al-Islamiyyah' dalam keluaran kedua pula menumpukan perbincangan pada perkembangan akidah terhadap Allah dan unsur-unsur pro dan kontranya. Manakala keluaran ketiga pula membincangkan tentang kesalahan-kesalahan pemahaman masyarakat kepada Allah dan pendirian akidah Islam terhadap kesalahan-kesalahan tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam artikel ini penulis hanya akan membuat ulasan terhadap risalah 'Allah fi al-Aqidah al-Islamiyyah' bagi keluaran pertama sahaja memandangkan ruang penulisan yang terhad. Manakala ulasan penulis terhadap keluaran seterusnya akan dibentangkan di dalam penulisan yang akan datang, *insya Allah*.

### Gaya Pembentangan

Hasan al-Banna menegaskan bahawa beliau akan mengambil al-Quran dan al-Sunnah sahaja sebagai rujukan akidah mengenai Allah, di samping rujukan kepada akidah dan iman para sahabat r.a. yang merupakan model ummah yang paling sempurna untuk panduan umat

Islam hari ini. Beliau menolak rujukan akidah yang bergantung pada pendekatan ilmu kalam dan meditasi falsafah-mantik. Sebab utama beliau membawakan manhaj asli seumpama ini kerana perbincangan panjang lebar pendekatan ilmu kalam dan meditasi falsafah-mantik tidak akan membawa pelajarnya menemui sentuhan akidah yang sebenar dan tidak menumbuhkan bibit-bibit kesedaran untuk menukar sentuhan tadi kepada proses amali.

Dalam menguatkan manhaj akidah yang dibawanya ini, Hasan al-Banna membawakan ayat al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman,  
(iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam solatnya, dan  
orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan  
perkataan) yang tiada berguna, dan orang-orang yang  
menunaikan zakat ...

Al-Mu'minun (23): 1-4

Hasan al-Banna menegaskan bahawa ayat ini sebenarnya telah mengajar para sahabat r.a. tentang pengertian sebenar iman. Mereka memahami iman itu sebagai kepercayaan yang memotivasi seseorang mukmin untuk khusyuk di dalam solat, menjauhkan diri dari perkara yang sia-sia, menunaikan zakat dan melaksanakan ciri-ciri seterusnya sebagaimana yang disebutkan oleh ayat-ayat tersebut. Maka apabila seseorang itu belajar tentang akidah, mesti akidah itu mendesaknya melakukan amalan-amalan dan ciri-ciri tadi. Bukan hanya sekadar perbincangan konseptual semata-mata yang berlegar tentang apakah erti iman, adakah iman bertambah dan berkurang, adakah iman sama erti dengan Islam, adakah amalan menjadi syarat bagi iman atau adalah rukun, dan seumpamanya. Perbincangan dan perdebatan seumpama ini bagi al-Banna tidak membawa sentuhan akidah yang sebenar dan tidak menumbuhkan bibit-bibit kesedaran untuk menukar sentuhan tadi kepada kesedaran *amaliyyah*<sup>8</sup>.

Perbezaan di atas itulah bagi al-Banna menjadikan jurang perbezaan di antara keimanan generasi awal Islam dengan iman umat-umat selepasnya amat berbeza. Justeru itu, seruan penyatuan umat Islam hari ini mesti bermula dengan kesatuan akidah Islam sebagaimana akidah yang dipegangi oleh generasi pertama umat Islam dahulu. Rasulullah saw sendiri telah meletakkan garis panduan yang jelas melalui sabda yang bermaksud<sup>9</sup>:

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selamanya selagi mana kamu berpegang pada keduanya; Kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku (hadith)”.

### **Prinsip Akidah Islam Tentang Allah**

Hasan al-Banna membentangkan enam prinsip utama yang perlu difahami dan dihayati oleh umat Islam dalam pemahaman akidah terhadap Allah. Enam prinsip itu adalah seperti berikut:

1. Berakidah bahawa Allah swt wujud dan bersifat dengan sifat yang maha sempurna<sup>10</sup>.

Prinsip akidah kepada Allah yang pertama ialah meyakini Allah swt itu wujud tanpa bergantung kepada yang lain, dan Dia bersifat dengan sifat-sifat yang maha sempurna. Kesempurnaan sifat-sifatNya itu jelas dapat disaksikan melalui penciptaanNya di alam semesta ini. Justeru kerana kejadian alam ini sendiri amat sempurna dan penuh dengan keajaiban yang mengagumkan, maka sudah tentu semua itu diciptakan oleh Yang Maha Sempurna sifatNya iaitu Allah swt.

Hasan al-Banna menegaskan bahawa Allah swt itu ada, dan Dia bersifat dengan sifat ilmu, berkuasa, hidup, mendengar, melihat, cantik, bijaksana, berkehendak dan sebagainya. Al-Banna menekankan

pendekatan pemahaman secara akal terhadap sifat-sifat tersebut dengan membuat misalan tentang kejadian alam yang penuh hikmah ini adalah dicipta oleh Yang Maha Bijaksana iaitu Allah swt. Demikian juga kejadian alam yang unik ini sudah tentu dicipta oleh Pencipta Yang Maha Mengetahui dan Berkuasa.

Dalil yang menjelaskan perkara tersebut adalah sebagaimana yang difirmankan oleh Allah swt:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَمُ الْغَيْبِ وَالشَّهِيدَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ  
هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقَدُوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ  
الْمَهِيمُ الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشَرِّكُونَ  
هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا  
فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, Dialah Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani. Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Menguasai (sekelian alam), Yang Maha Suci, Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan), Yang Melimpahkan keamanan, Yang Maha Pengawal serta Maha Pengawas, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Kuat, Yang Melengkapi Segala KebesaranNya, maha suci Allah dari segala yang mereka sekutukan denganNya. Dialah Allah, Yang Menciptakan sekelian makhluk, Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada), Yang Membentuk Rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya), bagiNyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya,

bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi, dan Dialah yang tidak ada tolok bandingnya, lagi Amat Bijaksana.

Al-Hashr (59): 22-24

2. Menafikan sifat *musyabahah* dan *naqs* pada Allah<sup>11</sup>

Sifat berjisim, berbilang-bilang, beranak dan diperanakkan perlu dinafikan daripada Allah swt kerana sifat-sifat tersebut serupa dengan makhluk dan ia adalah sifat yang lemah dan kekurangan yang tidak layak bagi Allah. Al-Quran menafikan kelemahan dan keserupaan Allah swt dengan makhluk melalui beberapa ayatnya yang bermaksud:

Dialah Yang Menciptakan langit dan bumi, Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan (menjadikan) dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi binatang-binatang itu), dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatupun yang sebanding denganNya (dengan zatNya, sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Amat Mendengar lagi Amat Melihat.

Al-Syura (42): 11

Sekiranya ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah, tentulah keduanya itu telah rosak binasa. Maka Maha Suci Allah yang mempunyai 'Arsy daripada apa yang mereka sifatkan.

Al-Anbia' (21): 22

Allah sekali-kali tidak mempunyai anak, dan sekali-kali tidak ada tuhan (yang lain) bersertaNya, kalau ada tuhan bersertaNya, masing-masing tuhan itu akan membawa

makhluk yang diciptakannya, dan sebahagian dari tuhan-tuhan itu akan mengalahkan sebahagian yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sifatkan itu.

Al-Mu'minun (23): 91

Berdasarkan dalil-dalil nas yang jelas, setiap muslim perlu menyakini kebesaran Allah. Allah swt sudah tentu tidak serupa dengan makhluk dan Dia amat jauh sekali dari sifat kekurangan seperti yang ada pada makhluk. Jadi, perbezaan di antara Allah swt dengan makhlukNya ini tidak sekadar untuk pengetahuan kita sahaja, malah ia perlu diimplimentasikan di dalam format 'ibadat', penghayatan dan menimbulkan rasa kehambaan tentang jauhnya Allah swt daripada segala kekurangan dan keserupaan dengan makhluk.

Hasan al-Banna tidak memanjangkan perbincangan sifat Allah swt menurut perspektif aliran-aliran akidah yang lahir dalam dunia umat Islam. Beliau sengaja tidak menyentuh pendapat Mu'tazilah, Asya'irah, Syi'ah dan aliran-aliran lain kerana pendapat-pendapat yang berbeza daripada aliran-aliran tersebut lahir daripada implimentasi akal terhadap topik tersebut. Justeru itulah kita akan dapat risalah-risalah akidahnya hanya menekankan perbincangan akidah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sahaja tanpa merujuk pandangan dan pegangan mana-mana aliran akidah umat Islam yang pernah muncul sebelum ini.

3. Tidak terdesak untuk mengetahui hakikat dan ciri zat dan hakikat sifat Allah swt<sup>12</sup>

Unsur keimanan kepada Allah yang ketiga bagi Hasan al-Banna ialah tidak mendesak akal memahami dan mengetahui hakikat zat dan hakikat sifat Allah swt serta ciri-cirinya yang tidak dijelaskan secara terang di dalam nas. Memadai kita mengetahui dan memahami zat Allah dan sifatNya sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Quran dan hadith

Rasulullah saw sahaja. Dalam masa yang sama perlu ditekankan, bahawa perbezaan di antara zat dan sifat Allah swt dengan zat dan sifat makhlukNya mestilah jelas dan terang perbezaannya. Firman Allah swt yang bermaksud:

Yang demikian (sifat-sifat dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu. Oleh itu beribadatlah kamu kepadaNya dan (ingatlah) Dialah yang mentadbirkan segala-galanya. Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dialah yang amat halus (melayan hamba-hambanya dengan belas kasihan), lagi amat mendalam pengetahuanNya.

Al-An'am (6): 102-103

Rasulullah saw juga telah bersabda<sup>13</sup> :

تَفْكِرُوا فِي خَلْقِ اللَّهِ وَلَا تَنْكِرُوا فِي ذَاتِهِ فَتَهْلِكُوا

Berfikirlah tentang ciptaan Allah, jangan berfikir tentang zat Allah, kelak kamu akan binasa

Unsur ketiga ini tidak bermaksud menyekat fungsi dan kemampuan akal dan kebebasan berfikir dalam melaksanakan kerjanya. Ini kerana akal itu sendiri sebenarnya adalah tiang seri pada memahami akidah Islam. Namun apa yang ingin ditegaskan ialah agar tanggapan akal itu mesti diletakkan pada tempat yang selayaknya. Akal perlu diberikan peranan yang layak dan mampu dipikulnya. Adapun untuk mendesak akal berfikir tentang zat Allah dan perkara ghaib yang tidak mampu untuk ditanggapi, maka ia adalah sesuatu yang tidak betul. Hakikatnya perkara yang dapat ditanggapi akal hanyalah sedikit sahaja sedangkan sebahagian besar maklumat lain masih lagi jauh daripada tanggapan

akal. Jadi, apa yang disebutkan di dalam nas sebenarnya adalah apa yang sepatutnya diketahui oleh akal dan sekadar itulah syarak mempertanggungjawabkannya kepada kita.

Jadi, Hasan al-Banna cuba mengajak umat Islam agar memahami akidah Islam sebagaimana asal, seperti yang dipegang oleh para sahabat r.a. yang hanya merujuk pada al-Quran dan al-Hadith. Segala ajaran akidah yang datang selepas zaman para sahabat r.a. tidak perlu diberikan keutamaan melebihi al-Quran dan al-Sunnah kerana ajaran tersebut secara hakikatnya sudah berbentuk konseptual dan filsafat moden.

#### 4. Menyelami sifat-sifat dan kesempurnaan uluhiyah Allah swt<sup>14</sup>.

Prinsip keempat akidah Islam terhadap Allah swt ialah mengenali dan menghayati sifat-sifat Allah swt dan kesempurnaan, keistimewaan dan manifestasi keagunganNya melalui renungan terhadap kejadian alam semesta. Akal yang membuat renungan tersebut juga mestilah bebas daripada semua pemikiran warisan, hawa nafsu dan kepentingan tertentu.

Apabila akal sudah merenung ciptaan alam semesta dan akal sendiri tidak takut membuat keputusan tanpa terbelenggu dengan pemikiran adat, nafsu dan kepentingan tertentu, ketika itu akal akan menafsirkan betapa ajaibnya ciptaan semesta ini. Keajaiban alam kejadian tidak akan terjadi sendiri tanpa adanya pencipta yang mencipta, menyusun dan mengaturnya sehingga ia begitu sempurna. Di sini akal boleh mengenali dan menghayati betapa sempurnanya sifat-sifat Allah swt yang mencipta semua kejadian ini.

Hasan al-Banna membawa beberapa ayat al-Quran untuk dihayati oleh akal yang bersih dan bijak, di antaranya firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang, dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia, demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Dia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang, demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dan bumi, sesungguhnya (pada semua itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaanNya, kebijaksanaanNya dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Al-Baqarah (2): 164

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan (pada) pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan (semasa) mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Alu Imran (3): 190-191

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya, dan di antara gunung ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah yang berlainan warnanya (tua dan muda), dan ada juga yang hitam legam. Dan

demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya. Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah maha kuasa lagi amat pengampun.

Fatir (35): 27-28

Kalau ingin dicari manakah peranan akal, maka di sinilah di antara peranannya. Yang mana akal dengan bantuan wahyu diminta agar berfikir dan meneliti ciptaan-ciptaan di alam semesta untuk sampai kepada titik terakhir iaitu pencipta semua kejadian istimewa ini ialah Allah swt. Apabila akal berada di situasi sebegini, maka akan terbit bibit-bibit penghayatan kepada makna sebenar beriman dan percaya kepada Allah swt dan kesempurnaan sifatNya. Adapun untuk berfikir tentang zat Allah, maka syarak pun tidak pernah menyuruh mencarinya, akal juga tidak sampai ke tahap itu, dan pancaindera sendiri tidak mampu menanggapinya.

5. Menguatkan hubungan di antara perasaan keinsanan dengan Pencipta<sup>15</sup>

Unsur yang seterusnya ialah apabila seseorang insan itu telah melaksana dan menghayati prinsip-prinsip di atas, maka seterusnya dia mestilah berusaha menguatkan hubungan rohaninya dengan Allah swt sehingga dia boleh sampai kepada martabat makrifah tertinggi iaitu ma'rifah rohaniyyah yang sebenar. Hanya melalui perasaan keinsanan sahaja segala tabir material yang menutupi pemikiran dan pancaindera akan tersingkap.

Dalam hal ini, Islam sendiri banyak berkomunikasi dengan perasaan dalaman insan agar sentiasa meningkat ke arah kelazatan makrifat terbaik kepada Allah swt seperti firmanNya:

الَّذِينَ ءامَنُوا وَتَطْمِئِنُ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا يَذْكُرُ اللَّهُ تَطْمِئِنُ الْقُلُوبُ ﴿٤﴾

(laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikir Allah. Ketahuilah dengan zikir Allah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Al-Ra'd (13): 28

Gambaran halus di antara zikir dan ingatan hati seseorang insan dengan Tuhananya ialah seperti yang disebut oleh al-Quran:

وَإِذَا مَسَكْمُ الْصُّرُفِ فِي الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِيَاهُ فَمَا تَجْنَبُمْ إِلَى الْبَرِّ  
أَعْرَضْتُمْ وَكَانَ الْإِنْسَنُ كُفُورًا ﴿٣﴾

Dan apabila kamu terkena bahaya di laut, (pada saat itu) hilang lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain dari Allah, maka apabila Dia menyelamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tada (tidak mengingatinya) dan memanglah manusia itu sentiasa kufur (akan nikmat-nikmat Allah).

Al-Isra' (17): 67

Dan firmanNya lagi:

هُوَ الَّذِي يُسَرِّعُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ حَتَّى إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلُكِ وَجَرَيْنَ يَمِّ  
بِرِيعٍ طَيِّبَةٍ وَفَرِحُوا بِهَا جَاءَهُنَا رِبْعٌ عَاصِفٌ وَجَاءَهُمُ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ  
مَكَانٍ وَطَنَوْا أَهْمَمَ أَحْيَطَ بِهِمْ دَعْوَا اللَّهَ مُحْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ لَمْ يُنْجِيْنَا مِنْ  
هَذِهِ لَكَوْنَاتٍ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٤﴾

Dialah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan) sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan merekapun bersukacita dengannya, tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya, pada saat itu mereka semua berdoalah kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): Demi sesungguhnya, jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur.

Yunus (10): 22

Walaupun ayat-ayat di atas menerangkan tentang orang yang mengkufuri nikmat Allah swt, namun al-Banna menekankan bahawa seseorang muslim perlu dekat dan mengharapkan rahmat Allah di setiap saat seolah-olah dia sedang dilambung gelombang dahsyat yang mengancam nyawanya. Pengharapan seseorang muslim itu adalah pada setiap saat kehidupannya, tidak hanya apabila dia ditimpa musibah dan bala bencana sahaja. Muslim yang ikatan imannya amat kuat pada Allah swt akan sentiasa mengingati dan mengharapkan rahmat Allah swt di setiap denyut nadi kehidupannya.

Unsur penghayatan dan kehambaan seperti ini tidak ditekankan oleh ajaran aliran-aliran akidah yang datang selepas dari zaman para sahabat r.a. dan salaf soleh. Kerana itu al-Banna merasakan umat Islam kosong dari unsur penghayatan seumpama ini dan terlalu disibukkan dengan teori-teori falsafah akidah yang perdebatannya yang tiada penghujung.

6. Pengamalan unsur-unsur di atas dalam bentuk kata-kata dan perbuatan<sup>16</sup>

Seseorang hamba yang berjaya mengaplikasikan unsur-unsur akidah di atas, jika dia percaya bahawa Allah swt itu Maha Berkuasa, hasilnya dia akan bertawakal dan bergantung kepadaNya sahaja. Demikian juga jika dia meyakini Allah swt Maha Mengetahui dan dapat mengawasi perbuatannya dan menguasainya, maka dia akan sentiasa takut kepadaNya. Jika dia percaya Allah swt tunggal, dia tidak akan memohon, mengharap dan mencari-cari kecuali hanya kepada Allah swt juga. Firman Allah swt seperti di dalam ayat di bawah yang menggambarkan kepada manusia ciri-ciri hamba yang mengimplementasikan unsur-unsur akidah di atas:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا نُذِّكُ عَلَيْهِمْ  
أَيْمَنُهُمْ رَأَدَهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ① الَّذِينَ يُقْيِمُونَ  
الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ② أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَّهُمْ  
دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ③

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut (nama) Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang kami kurniakan kepada mereka. Mereka lah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pengkhat-pengkhat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di syurga).

Al-Anfal (8): 2-4

Demikianlah enam prinsip akidah Islam terhadap Allah yang diterangkan oleh Hasan al-Banna. Prinsip-prinsip di atas merupakan himpunan akidah tentang apa yang perlu kita tahu dan fahami tentang Allah swt. Beliau menyusun enam prinsip ini kerana umat Islam hari ini terlalu banyak disibukkan dengan pengajian konseptual akidah Islam, dan pengajiannya yang sudah dipengaruhi oleh metod pengajian asing, menyebabkan maksud asasi dan pemahaman terhadap Allah yang sepatutnya boleh membawa pelajarnya kepada cahaya iman dan keinsafan hati akhirnya terabai.

Hasan al-Banna berharap agar orang ramai yang dapat memahami apa yang disampaikan ini tidak lagi hanya menumpukan pemahaman akidah pada 13 sifat wajib bagi Allah swt, mustahil dan harus sahaja. Mereka juga diharap tidak panjang pada isu cabangan akidah seperti adakah amal syarat iman dan sebagainya yang mana semua itu terkandung ciri-ciri falsafah dan teori akal semata tanpa tumpuan untuk sampai pada pemahaman sebenar akidah Islam, sebelum ia sampai pad bibit-bibit ketenangan dan kedamaian hati<sup>17</sup>.

Akhir sekali Hasan al-Banna meninggalkan pesanan kepada para pembaca, hendaklah mereka mentadabbur ayat al-Quran yang dibaca untuk sampai kepada maksud sebenar syarak, kerana di situ lah adanya kelazatan dan cahaya yang tidak akan dirasai sekiranya kita berada di situasi atau manhaj pemahaman akidah yang lain dari manhaj di atas<sup>18</sup>.

### Kesimpulan

Risalah pertama Hasan al-Banna di dalam majalah *al-Shihab* ini adalah menceritakan tentang Allah swt menurut perspektif akidah Islam yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah sahaja, tidak berdasarkan kaca mata aliran-aliran baru akidah umat Islam yang lahir selepas zaman para

sahabat r.a. Beliau cuba membawakan akidah Islam tentang Allah ini kepada umat Islam di dalam formatnya yang asli tanpa sentuhan mananya pemikiran filsafat dan konseptual singkat akal manusia. Hasan al-Banna melihat bahawa apabila pemahaman umat Islam terhadap Allah swt perlu dikembalikan kepada aslinya kerana isu akidah khususnya yang membicarakan tentang Allah ini adalah isu asas dan akar utama agama Islam. Justeru itu, jika akidah umat Islam itu betul dan kembali kepada keasliannya, maka umat Islam boleh kembali bersatu hati dan menjadi kuat serta digeruni oleh musuh-musuh Islam sebagaimana umat Islam di generasi pertama dahulu.

## NOTA HUJUNG

- 
- <sup>1</sup> 'Allah fi al-Aqidah al-Islamiyyah' bererti: Allah Menurut Akidah Islam.
  - <sup>2</sup> Fathullah Khalif Ed. (2000), *Min Rasa'il al-Imām al-Syahid Hasan al-Banna: Allah Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*, T.T.P: T.P, h. 3.
  - <sup>3</sup> Ra'uf Shalaby (t.t.), *Al-Syaykh Hasan al-Banna wa Madrasatuhu "al-Ikhwan al-Muslimun"*, T.T.P: Dar al-Ansar, h. 23.
  - <sup>4</sup> Anwar al-Jundy (2000), *Hasan al-Banna: al-Da'iyyah al-Imam wa al-Mujaddid al-Shahid*, Dimashq: Dar al-Qalam, h. 18.
  - <sup>5</sup> Ra'uf Shalaby (t.t.), *op. cit.*, h. 24. *Darul Ulum* hari ini dikenali dengan Universiti Kaherah (Cairo University).
  - <sup>6</sup> Anwar al-Jundy (2000), *op. cit.*, h. 13.
  - <sup>7</sup> Fathullah Khalif Ed. (2000), *op. cit.*, h. 7.
  - <sup>8</sup> *Ibid.*, h. 8.
  - <sup>9</sup> Imam Malik bin Anas (1998), *Al-Muwatta'*, Kitab al-Qadar, Bab: al-Nahyu 'an al-Qawl bi al-Qadar, no. hadith: 1662, Semakan: Sidqi Jamil al-'Attar, Bayrut: Dar al-Fikr.
  - <sup>10</sup> Fathullah Khalif Ed. (2000), *op. cit.*, h. 9.
  - <sup>11</sup> Sifat *musyabahah* ialah sifat keserupaan dengan makhluk, sifat *naqs* pula bermaksud sifat kekurangan yang ada pada makhluk. Lihat: Fathullah Khalif Ed. (2000), *Min Rasa'il al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna: Allah Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*, T.T.P: T.P, h. 10.
  - <sup>12</sup> *Ibid.*, h. 10.
  - <sup>13</sup> Hadith seumpama ini diriwayatkan dengan beberapa lafaz yang berbeza tetapi kesemuanya membawa makna yang sama. Walaupun sanad hadith ini dha'if, namun oleh kerana banyak riwayat lain membawa maksud yang sama, maka ia dihukumkan kuat untuk diterima, lagipun maknanya adalah sahih sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Hafiz al-Sakhawi dalam al-Maqasid. Lihat: Fathullah Khalif Ed. (2000), *Min Rasa'il al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna: Allah Fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*, T.T.P: T.P, h. 11.
  - <sup>14</sup> *Ibid.*
  - <sup>15</sup> *Ibid.*, h. 12.
  - <sup>16</sup> *Ibid.*, h. 13.
  - <sup>17</sup> *Ibid.*, h. 14.
  - <sup>18</sup> *Ibid.*, h. 14.

**ARTIKEL-ARTIKEL BOLEH DISUMBANG BERDASARKAN  
CIRI-CIRI BERIKUT:**

1. Artikel yang dihantar adalah berkaitan dengan bidang usuluddin, syariah, pendidikan, bahasa dan bidang-bidang yang dilihat sesuai oleh sidang editor.
2. Artikel yang menyentuh isu-isu semasa amat digalakkan dan akan diberi keutamaan berbanding artikel lain.
3. Panjang penulisan artikel adalah di antara 10 hingga 15 muka surat (single spacing) bersaiz A4, font Arial (12) bagi bahasa Melayu dan Inggeris, dan font Tradisional Arabic (16) bagi bahasa Arab. Nota rujukan adalah menggunakan kaedah penulisan Nota Hujung.
4. Artikel yang dihantar akan dinilai dan disemak oleh sekurang-kurangnya seorang sidang editor sebelum diterbitkan.
5. Artikel-artikel yang diterbitkan tidak semestinya menggambarkan pandangan Jurnal KIAS.
6. Penulis dan penyumbang artikel adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan di dalam artikelnya.
7. Sebarang pertanyaan dan cadangan boleh dirujuk kepada:

Setiausaha Jurnal KIAS  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra  
68 Nilam Puri, Jalan Kuala Krai  
15730 Kota Bharu  
Kelantan

Tel : 09 7129386 samb 37  
Faks : 09 7126161